

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : DALAM NEGERI

Utusan Malaysia M/s 12 D/Negeri 2/6/2025 (Isnin)

Sistem e-penempatan doktor tangguh lagi

Oleh **FATIN NORIZATI MAT ISA**
norizati.isa@mediamail.com.my

PETALING JAYA: Nasib 2,245 pegawai perubatan kontrak seluruh negara masih samar apabila sistem e-penempatan yang dijadualkan dibuka akhir bulan lalu ditangguhkan lagi selepas beberapa kali tertangguh sejak Februari 2025.

Pembentangan cadangan akhir pelaksanaan sistem itu akan dilakukan Rabu ini oleh tiga bahagian utama Kementerian Kesihatan (KKM) iaitu Bahagian Kesihatan Digital, Bahagian Pengurusan Maklumat dan Setiausaha Bahagian Sumber Manusia.

Pelaksanaan sistem itu akan dimulakan secara berperingkat, bermula dengan pegawai perubatan (MO) diikuti pegawai perubatan siswazah (HO).

Bagaimanapun, tarikh rasmi pelancaran masih belum ditetapkan kerana kementerian mahu memastikan tiada lagi kelemahan teknikal seperti yang berlaku sebelum ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, beliau sendiri akan meneliti pembentangan itu bagi memastikan pelaksanaan berjalan lancar dan tidak mengulangi kesilapan lalu.

"Mereka akan membentangkan cadangan kepada saya pada Selasa ini (3 Jun). Saya sendiri akan meneliti pembentangan itu bagi memastikan tiada lagi sebarang kelemahan dan masalah teknikal sebelum e-penempatan dilancarkan."

"Selepas diluluskan, sistem ini akan dilancarkan secara berperingkat bermula dengan MO, diikuti HO. Insya-Allah, kita jangka ia dapat dibuka dalam bulan Jun ini," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Saya sendiri akan meneliti pembentangan itu bagi memastikan tiada lagi sebarang kelemahan dan masalah teknikal sebelum e-penempatan dilancarkan."

DZULKEFLY AHMAD

Utusan Malaysia sebelum ini, melaporkan pelaksanaan sistem tersebut dijadualkan dibuka semula selewat-lewatnya akhir Mei, namun ditangguhkan ekoran beberapa gangguan teknikal.

Antaranya pada 27 Februari lalu, sistem mengalami ralat yang menjejaskan proses pemilihan penempatan 2,245 pegawai perubatan Gred UD10.

Lebih memburukkan keadaan, proses e-penempatan dibatalkan pada saat akhir pada 16 Mac tanpa penjelasan terperinci, hanya sehari sebelum tarikh pembukaan semula. Pembatalan itu disampaikan melalui e-mel dan sistem gagal diakses walaupun sudah dijadualkan dibuka pada 17 Mac.

Masalah teknikal yang berulang bukan sahaja menganiaya doktor kontrak yang sepatutnya menerima lantikan tetap pada 25 Mac, malah turut mengganggu operasi fasiliti kesihatan awam, terutama di kawasan luar bandar yang sedang berdepan kekurangan petugas.

Sementara itu, jurucakap Har-

tal Doktor Kontrak menyifatkan kenyataan Menteri Kesihatan itu sebagai tidak meyakinkan kerana beliau sepatutnya dapat memberikan garis masa yang lebih jelas, memandangkan pelaksanaan sistem e-penempatan berada sepenuhnya di bawah kawalan kementeriannya.

"Beliau sepatutnya mampu memberikan tarikh lebih tepat memandangkan pelaksanaan sistem e-penempatan ini berada sepenuhnya di bawah kawalan kementeriannya.

"Kelewatan pembukaan semula sistem e-penempatan bukan sahaja boleh menjejaskan pelantikan tetap pegawai perubatan, malah menyukarkan perancangan jabatan dan hospital yang bakal menerima mereka," katanya.

Justeru itu, pihaknya menggesa KKM agar lebih telus dan memberikan penjelasan bagi memastikan proses penempatan berjalan lancar serta tidak menjejaskan kelangsungan perkhidmatan kesihatan di fasiliti awam.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

KKM lancar lima dokumen jadi rujukan berkait penyakit talasemia

Kesihatan genetik, kaunseling antara strategi pelaburan sosial untuk generasi masa depan

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) melancarkan lima dokumen utama yang akan dirujuk berhubung penyakit talasemia merangkumi aspek diagnosis, rawatan, pencegahan dan penekanan terhadap kaunseling genetik.

Dokumen berkenaan ialah Pelan Strategik dan Pelan Tindakan Program Kawalan dan Pencegahan Talasemia Kebangsaan 2024-2030, Clinical Practice Guidelines Management of Thalassemia (Second Edition), Annual

Report of the Malaysia Thalassemia Registry 2022-2023, Garis Panduan Program Saringan Talasemia Kebangsaan di Penjagaan Kesihatan Primer, serta Laporan dan Pemetaan Pembawa Talasemia bagi Program Saringan Talasemia pelajar Tingkatan Empat, 2017-2021.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata semua dokumen yang dilancarkan kelmarin itu bukti komitmen KKM dalam memperkasakan pencegahan dan rawatan berkait talasemia.

"Talasemia sejenis penyakit keturunan dan perjalanan rawatan penyakit ini adalah panjang dan kompleks serta boleh menecah kos rawatan hingga RM2.74 juta.

"Namun, paling penting la penyakit boleh dicegah. Pelaburan dalam saringan awal, pendidikan kesihatan genetik dan khidmat kaunseling bukan sekadar memenuhi keperluan dasar tetapi adalah strategi penjimatan dan



Dr Dzulkefly menyempurnakan Sambutan Hari Talasemia Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 di Putrajaya, semalam. (Foto FB Dr Dzulkefly Ahmad)

pelaburan sosial untuk kesejahteraan generasi masa depan," katanya dalam kenyataan semalam.

212 pesakit sembuh
Beliau berkata, berdasarkan re-

kod seramai 212 pesakit talasemia berjaya sembuh melalui pemindahan sum-sum tulang setakat ini.

"Selain pemindahan sum-sum tulang, strategi pencegahan yang dilakukan secara berterusan tu-

rut menjadi penyumbang kepada penurunan kelahiran baharu penghidap talasemia, iaitu menurun sebanyak 49 peratus dalam tempoh masa 12 tahun (2009-2021)," kata Dzulkefly.

BERNAMA